

Sungai Sarawak jadi 'tong sampah'

Oleh MULLER ASEN
berita@kosmo.com.my

KUCHING – Dahulu bersih tapi kini menyakitkan mata. Itulah suasana di Sungai Sarawak berhampiran Jalan Keruing di sini yang penuh dengan sampah sarap.

Sama ada di tebing mahupun di dalam sungai, sampah boleh dilihat di mana-mana sehingga mencacatkan pemandangan di kawasan sekitar Estet Perindustrian Bintawa.

Tinjauan *Kosmo!* di sekitar kawasan berkenaan semalam mendapati keadaan sungai itu sangat kotor dan tercemar kerana dipenuhi sampah seperti beg plas-



tik, tin minuman serta lampin pakai buang.

Air di sungai tersebut juga kelihatan hitam, penuh lumut serta mengeluarkan bau yang kurang menyenangkan.

Seorang pemancing, Zamadi Suid (**gambar kecil**), 34, berkata, longgokan sampah di permukaan sungai berkenaan berpunca daripada sikap pengotor segelintir penduduk.

Menurutnya, mereka yang menjadikan sungai sebagai 'tong sampah' sepatutnya sedar bahawa sikap mereka itu telah mencemarkan kebersihan dan persekitaran kawasan itu.

"Sikap buruk mereka mengun-

dang lebih banyak masalah kerana sampah sarap itu akan turut menyebabkan berlakunya banjir kilat," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Zamadi menambah, pihak berkuasa perlu mengatasi masalah itu dengan segera termasuk mengenakan tindakan tegas kepada orang ramai yang didapati membuang sampah ke dalam sungai.

Beliau turut menyifatkan kehadiran pendatang asing yang didakwanya membuang sampah sesuka hati menjadi punca masalah itu.

"Mereka membuang sampah kerana tiada rasa tanggungjawab terhadap negara ini dan mereka juga tidak peduli jika ditegur oleh penduduk tempatan," dakwanya.



BEGINILAH keadaan sampah sarap yang bertaburan di tebing sungai di Jalan Keruing, Kuching semalam.